

## Dasar, kejayaan kerajaan perlu diperjelas, pastikan rakyat dapat maklumat tepat - PM

Ogos 20, 2022 @ 1:02pm



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob beramah mesra dengan kanak-kanak Tabika KEMAS pada Program Jom Masuk Kampung dan Hari Potensi KEMAS Parlimen Bera di FELDA Triang 3, Bera, hari ini. - NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

BERA: Dasar kerajaan dan kejayaan pelaksanaannya perlu diperjelas kepada rakyat supaya tidak keliru dengan fitnah dan kempen antikerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, penjelasan mengenai kedua-dua perkara itu juga seharusnya dipertingkatkan supaya rakyat mendapat maklumat tepat.

Katanya, program seperti Jom Masuk Kampung antara platform sangat baik untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai dasar kerajaan, selain mampu merapatkan silaturahim penduduk selari dengan aspirasi Keluarga Malaysia.

"Banyak dasar diumumkan kerajaan dan kejayaan yang dicapai kerajaan, tetapi apabila ia tidak dijelaskan kepada rakyat, rakyat keliru, terutamanya apabila ada kempen antikerajaan atau pelbagai fitnah (terhadap kerajaan).

"Ini boleh menyebabkan rakyat keliru dan mereka (rakyat) tidak boleh dipersalahkan apabila keliru kerana informasi tidak sampai kepada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Jom Masuk Kampung dan Hari Potensi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah Bera 2022 di FELDA Triang 3, di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Datuk Ramlan Harun; Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Mohamad Yasid Bidin dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Pahang, Datuk Seri Norolazali Sulaiman.

Program tiga bermula pada 18 Ogos lalu, antara lain mengandungi penganjuran pelbagai aktiviti melibatkan penyertaan agensi kerajaan dan masyarakat setempat seperti hebahan program kerajaan, gotong-royong, ceramah agama, pertandingan sukan dan ziarah kasih. - BERNAMA